

PERATURAN PENGGUNAAN MAKMAL DAN BENGKEL

1. Pengguna makmal dan bengkel diwajibkan memakai **Baju Makmal (Lab Coat)** sewaktu berada di dalam makmal (**termasuk pengguna yang tidak menjalankan eksperimen**).
2. Pengguna makmal diwajibkan memakai **kasut yang bertutup** sewaktu berada di dalam makmal dan **kasut keselamatan** sewaktu berada di dalam bengkel.
3. Pengguna adalah **dilarang sama sekali membawa makanan dan minuman** ke dalam makmal dan bengkel.
4. Pengguna makmal dan bengkel adalah **dilarang sama sekali membawa rakan-rakan dari luar** yang bukan Warga Institut Sel Fuel. (tindakan keras akan dikenakan sekiranya ingkar).
5. Pengguna makmal dan bengkel adalah **dilarang sama sekali bergurau senda, bermain dan meninggikan suara** di dalam makmal.
6. **Kipas pelawas (exhaust fan)** hendaklah **sentiasa dihidupkan** apabila pengguna berada di dalam makmal dan bengkel.
7. Pengguna makmal dan bengkel hendaklah **memahami Risalah Data Keselamatan Bahan (Material Safety Data Sheet)** sebelum mengendalikan bahan tersebut.
8. Pengguna makmal dan bengkel diwajibkan **memakai peralatan yang bersesuaian** sewaktu **mengendalikan instrumen dan peralatan**.
9. Pengguna makmal hendaklah memastikan **kebuk wasap sentiasa dihidupkan** dan **bertutup** sewaktu mengendalikan bahan kimia.
10. Pengguna makmal dan bengkel diwajibkan **mengisi Rekod Penggunaan Alat** sebelum dan selepas menggunakannya (bagi pengguna Luar, anda dimestikan mendapat kebenaran daripada Pegawai Sains terlebih dahulu).
11. Pengguna makmal dan bengkel hendaklah **bertanggungjawab semasa mengendalikan instrumen** dan sebarang kerosakan hendaklah segera dimaklumkan kepada Pegawai Sains/Penolong Pegawai Sains (**hubungi talian sambungan: 7083/7084**).
12. Bagi **pengguna luar** yang mendapat kebenaran menggunakan instrumen di makmal, anda **dilarang menggunakan peralatan makmal yang lain**(barang kaca/bahan kimia).
13. Pengguna makmal dan bengkel adalah **dilarang menukar hak milik kad pintar** atau menggunakan kad laluan lain untuk memasuki makmal dan bengkel yang tidak berkaitan.
14. Pengguna makmal dan bengkel adalah **dilarang membawa keluar peralatan makmal dan bengkel** tanpa keizinan Ketua Kumpulan dan Pegawai Sains.
15. Pengguna makmal dan bengkel **dilarang mengalihkan kedudukan komputer dan peralatan** tanpa kebenaran.
16. Pengguna makmal dan bengkel hendaklah **memastikan ruangan kerja sentiasa dibersihkan** selepas menjalankan kerja.
17. Pengguna makmal dan bengkel hendaklah memastikan segala peralatan **diletakkan di tempat asal** selepas menggunakannya.
18. Pengguna makmal dan bengkel hendaklah memastikan bahan kimia yang telah digunakan diletakkan di tempat yang disediakan sebelum proses pelupusan dilakukan (Pengguna adalah **dilarang sama sekali membuang sisa kimia ke dalam sinki**).
19. Pengguna makmal hendaklah memastikan **peralatan kaca yang pecah diletakkan di dalam kotak yang disediakan** sebelum proses pelupusan bahan kaca dilakukan.
20. Pengguna makmal dan bengkel yang ingin **menggunakan makmal lain** diwajibkan **mendapat kebenaran daripada Ketua Kumpulan Makmal** tersebut dan memaklumkan kepada Pegawai Sains/Penolong Pegawai Sains untuk rekod dan tindakan.
21. Bagi penggunaan makmal dan bengkel **di luar waktu pejabat**, pengguna hendaklah **terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pegawai Sains/Penolong Pegawai Sains**. Bagi makmal dan bengkel yang tidak digunakan diluar waktu pejabat, bilik tersebut akan dikunci.
22. Pengguna terakhir hendaklah memastikan **lampu dimatikan dan pintu ditutup selepas menggunakan makmal dan bengkel**.
23. Pengguna makmal dan bengkel dikehendaki **membersihkan barang-barang kaca dan sinki selepas di gunakan**.
24. Pengguna makmal dan bengkel hendaklah **melaporkan dengan segera sekiranya berlaku sebarang kemalangan**.
25. **Pastikan anda tahu lokasi pemadam api dan peti kecemasan**.

Pengguna makmal dan bengkel diwajibkan memahami dan mematuhi semua PERATURAN PENGGUNAAN MAKMAL DAN BENGKEL. Tindakan tegas akan di ambil sekiranya terdapat pengguna yang tidak mematuhi peraturan tersebut.

Disediakan oleh:

Nik Samila binti Che Yusoff
Penolong Pegawai Sains
Institut Sel Fuel
Universiti Kebangsaan Malaysia

Disahkan oleh:

En.Azman bin Md Nor
Pegawai Sains
Institut Sel Fuel
Universiti Kebangsaan Malaysia

Diperakukan oleh:

Prof.Ir.Dr.Wan Ramli Wan Daud
Pengarah
Institut Sel Fuel
Universiti Kebangsaan Malaysia